

## **HUBUNGKAIT PERANAN PIHAK KERAJAAN DAN PIHAK INDUSTRI : PEMBANGUNAN EKOPELANCONGAN DI PULAU LANGKAWI, KEDAH**

*(Relating The Role Of The Government And The Industry: The Development Of ECO—Tourism In Pulau Langkawi, Kedah)*

Nur Idientee Binti Abd Halim & Er Ah Choy

### **ABSTRAK**

Kajian ini dilaksanakan bagi menganalisis hubungkait hubungan antara pihak kerajaan dengan pihak industri dalam pembangunan ekopelancongan di Pulau Langkawi. Kajian ini juga bagi menjawab persoalan kajian ini iaitu adakah wujud hubungan peranan antara pihak kerajaan dan pihak industri dalam pembangunan ekopelancongan di Pulau Langkawi. Satu set kaji selidik telah diedarkan kepada 400 penduduk tempatan yang berkerja di sekitar Pekan Kuah dan Pantai Chenang di Pulau Langkawi pada bulan Oktober 2013 dan hasil set soalan kaji selidik yang telah dijawab oleh penduduk tempatan akan dianalisis dengan menggunakan analisis SEM Amos bagi melihat hubungkait peranan pihak kerajaan dengan pihak industri. Analisis ini adalah menerusi perisian SEM Amos 19. Pelbagai soalan terdapat dalam set soalan kaji selidik dan antara soalan yang ditanya adalah maklumat peribadi penduduk tempatan dan juga berkaitan dengan peranan pihak kerajaan dan industri dalam pembangunan ekopelancongan di Pulau Langkawi. Hasil kajian telah mencapai objektif apabila menunjukkan wujud hubungkait peranan antara pihak kerajaan dengan pihak industri dalam membangunkan ekopelancongan di Pulau Langkawi. Kesimpulannya hubungan peranan antara pihak kerajaan dengan pihak industri adalah perkara yang menyumbang kepada pembangunan ekopelancongan yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa.

**Kata Kunci :** Ekopelancongan, Industri, Kerajaan, Pembangunan, Peranan, Pulau Langkawi

### **ABSTRACT**

This study was conducted to analyze the relationship between government and industry in ecotourism development in Langkawi Island. This study also answers the question of whether there is a role relationship between government and industry in ecotourism development in Langkawi Island. Langkawi Island is an ecotourism destination that caters to tourists from both inside and outside the country. A set of surveys was distributed to 400 locals working around Kuah Town and Chenang Beach on Langkawi Island in October 2013 and the result of a set of survey questions answered by locals was analyzed using Amos SEM analysis to see the role of the parties government with industry. The analysis is based on the SEM Amos software 19. The results of this study have been achieved by demonstrating the relationship between the government's role with the industry in developing ecotourism on Langkawi Island. In conclusion, the relationship between government and industry is a contributing factor to the ever-expanding ecotourism development.

**Keywords:** Development, eco-tourism, government, industry, Langkawi Island Role

## **PENGENALAN**

Bagi menjelaskan lagi tentang kajian penyelidikan ini, di sini penyelidik mahu menerangkan maksud atau definisi penting dalam kajian penyelidikan ini iaitu pelancongan dan ekopelancongan. Pelancongan didefinisikan sebagai sistem yang paling berkaitan antara pelancong dengan rangkaian perkhidmatan iaitu meliputi kemudahan, tarikan, pengangkutan dan juga penginapan (Er Ah Choy et al , 2011).

Penyelidik mahu melihat pembangunan ekopelancongan dengan hasil usaha peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dengan pihak industri. Malaysia kaya dengan hutan, sungai, tasik dan persisir pantai yang dapat menampung pelbagai jenis tumbuhan dan haiwan. Khazanah ciptaan tuhan yang merupakan sumber yang penting demi menarik minat pelancong untuk melancong ke negara kita. Pada pertengahan tahun 2000, seramai 4.07 juta pelancong asing telah memilih untuk datang melancong ke Malaysia. Bilangan pelancong ini menunjukkan peningkatan sebanyak 49.63% daripada sejumlah 2.72 juta pada tahun 1999 (Berita Harian, 2000).

Bagi memantapkan sektor ekopelancongan setiap pihak berkepentingan harus memainkan peranan masing-masing dengan baik. Pihak berkepentingan yang penyelidik maksudkan ialah pihak kerajaan, industri, dan masyarakat setempat. Kesenambungan peranan yang saling melengkapi dapat membawa kepada pembangunan sektor ekopelancongan menerusi ekonomi, sosial serta masyarakat setempat dan alam sekitar. Pembangunan sektor ekopelancongan walaubagaimanapun dapat memberi kesan yang positif dan juga negatif. Ekopelancongan merupakan sub pelancongan yang sangat berpotensi untuk dibangunkan serta menjadi penyumbang utama kepada pembangunan sektor pelancongan di Malaysia.


## **KAWASAN KAJIAN**

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan pelbagai keindahan tarikan pelancong. Salah satu daripada keindahan yang terdapat di Malaysia adalah mempunyai gugusan pulau-pulau tropika yang bersih dari pencemaran, air yang jernih dan juga syurga kepada habitat spesis flora dan fauna marin. Suasana yang mendamaikan di pulau-pulau yang terdapat di Malaysia mendorong ramai pelancong domestik dan juga antarabangsa datang berkunjung bagi tujuan berehat, menenangkan fikiran dan beriadah bersama keluarga.

Pada tahun 1990 an, beberapa buah pulau baru mula dibangunkan terutamanya pulau-pulau diperairan Terengganu, Pahang, Johor dan Sabah. Pembangunan pulau-pulau baru ini adalah untuk mengembang dan merencanakan lagi sektor pelancongan negara selain dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelancongan. Pulau Langkawi merupakan salah sebuah pulau yang mendapat perhatian khusus pihak-pihak berkepentingan di Malaysia kerana keindahan alam semulajadinya serta potensi untuk terus dibangunkan pada masa hadapan.

Pulau Langkawi merupakan salah satu daerah yang terdapat di negeri Kedah yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Keluasan negeri Kedah adalah dianggarkan melebihi 9000 km<sup>2</sup> yang meliputi tanah besar dan Pulau Langkawi. Pulau Langkawi berfungsi sebagai tarikan pelancongan negeri Kedah. Pulau Langkawi telah diberikan status bebas cukai pada tahun 1987. Pulau Langkawi merupakan sebuah pulau yang kaya dengan keindahan semula jadi dan lagenda masa silam yang telah menjadikannya sebuah pulau pelancongan yang paling popular di Malaysia.

Gambar 1: Peta Negeri Kedah



Sumber: malaysiamap.org.com

Kawasan kepulauan ini mempunyai 99 buah pulau yang merangkumi jumlah kawasan darat 528 km<sup>2</sup> (204 batu persegi). Bukan kesemua pulau dihuni oleh manusia dan menjadi tempat lawatan pelancong. Di antara pulau-pulau yang mendapat perhatian pelancong adalah seperti Pulau Dayang Bunting, Pulau Singa Besar, Pulau Tuba, Pulau Beras Basah, Pulau Burau, Pulau Datal, Pulau Rebak, Pulau Payar, Pulau Gasing dan juga Pulau Cholong.

Gambar 2: Peta Daerah Pulau Langkawi



Sumber: myMalaysiabooks.com.my

Pulau Langkawi yang merupakan sebuah pulau tropika di persisir pantai barat laut Semenanjung Malaysia dan kira-kira 30km dari Kuala Perlis dan 51km dari Kuala Kedah ini mempunyai keunikan yang sangat menarik. Pulau Langkawi dianggap syurga tropika yang mekar dengan tumbuhan-tumbuhan khatulistiwa dan didiami oleh habitat yang terpelihara. Sejarah alamnya yang bermula 500 juta tahun dahulu telah membentuk rangkaian batu-batan yang unik serta gua-gua yang terbentuk dengan cantik sekali.

Pulau Langkawi mempunyai pelbagai tempat-tempat menarik yang memenuhi cita-rasa pelancong yang terdiri dari pelbagai peringkat umur serta datang dengan pelbagai tujuan. Persekitaran Pulau Langkawi yang dilengkap dengan pelbagai kemudahan awam dan juga kemudahan pelancongan memudahkan pelancong sepanjang berada di sana. Keluasan Pulau Langkawi digunakan dengan terancang supaya tidak berlaku sebarang lebihan gunaan tanpa

memelihara dan memulihara kelestarian sekitar Pulau Langkawi yang sentiasa dipertahankan kerana ianya merupakan warisan alam yang sentiasa perlu dijaga dari semasa ke semasa supaya ianya tetap sama untuk diperlihatkan kepada generasi masa hadapan.

## **SKOP KAJIAN**

Pelancongan merupakan satu bidang yang terlalu luas. Tetapi dalam kajian penyelidikan ini, penyelidik telah memperkecilkan skop hanya memberi tumpuan kepada sektor ekopelancongan. Penyelidik mengumpul maklumat dan data statistik daripada penduduk setempat yang merupakan individu yang paling dekat dengan destinasi ekopelancongan yang terdapat di Malaysia.

Penyelidik mahu lebih mengetahui secara mendalam hubungkait peranan pihak kerajaan dan juga pihak industri membangunkan ekopelancongan di Pulau Langkawi, Kedah. Peranan yang dimainkan oleh kedua-dua pihak ini adalah penting bagi memastikan wujud pembangunan ekopelancongan di destinasi pelancongan yang sentiasa mendapat

Kajian penyelidikan kali ini skopnya tertumpu kepada semua destinasi ekopelancongan menarik yang terdapat di Malaysia tetapi penyelidik telah memilih kawasan kajian, iaitu destinasi ekopelancongan menarik di Semenanjung Malaysia iaitu di negeri Kedah yang lebih memberi tumpuan kepada Pulau Langkawi. Penyelidik akan menentukan jumlah responden mengikut jumlah penduduk setempat Pulau Langkawi, Kedah sebagai responden kepada kajian penyelidikan. Jumlah responden ini adalah dari jumlah penduduk setempat Pulau Langkawi, Kedah. Jumlah ini merupakan sebahagian daripada jumlah keseluruhan penduduk setempat yang menetap di Pulau Langkawi, Kedah.

Segala maklumat berkaitan dengan kajian penyelidikan ini akan penyelidik perolehi dari Jabatan Pelancongan negeri, LADA, Majlis Perbandaran Langkawi, Jabatan Perhilitan Negeri dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian penyelidikan ini. InsyaAllah penyelidik akan dapat mengetahui keputusan hasil kajian penyelidikan tentang hubungkait peranan pihak kerajaan dan pihak industri bagi memastikan pembangunan ekopelancongan di Pulau Langkawi, Kedah.

Keputusan hasil kajian ini amat berguna kepada negara untuk lebih memantapkan dan mengukuhkan sektor ekopelancongan di Pulau Langkawi, Kedah berteraskan peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dan juga pihak industri. Pihak kerajaan dan juga pihak industri merupakan pihak-pihak yang memainkan peranan penting untuk pembangunan ekopelancongan di Pulau Langkawi dari semasa ke semasa.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan cara pengumpulan data yang ringkas iaitu menerusi pemerhatian, temubual tidak formal dan juga set soalan kaji selidik ringkas berkaitan dengan objektif kajian tetapi mendapat hasil yang bagus. Pemerhatian dan tinjauan dilakukan sekitar Pekan Kuah dan juga Pantai Chenang, Kedah. Temuduga tidak formal dan secara bersemuka dilakukan untuk mendapat maklumat daripada para penduduk setempat yang bekerja juga secara tidak langsung merupakan responden kepada kajian ini. Selain daripada itu penyelidik juga menggunakan media elektronik untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan Pulau Langkawi, Kedah. Seramai 400 responden yang dipilih secara rawak yang terdiri daripada para penduduk setempat yang bekerja di sekitar Pekan Kuah dan Pantai Chenang Pulau Langkawi, Kedah pada bulan Oktober tahun lalu. Para responden juga diminta untuk menjawab beberapa soalan yang terdapat dalam set soalan kaji selidik yang telah disediakan oleh penyelidik. Soalan-soalan yang ditanya semasa sesi temu-bual ialah berkaitan dengan

maklumat peribadi responden dan juga soalan-soalan yang berkaitan dengan peranan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan juga pihak industri untuk memastikan wujudnya pembangunan ekopelancongan di Pulau Langkawi, Kedah. Hasil maklumat dan data-data daripada responden akan dikumpul dan dianalisis menggunakan nilai peratusan serta analisis SEM Amos untuk mengetahui hubungkait peranan antara pihak kerajaan dengan pihak industri dan dipersembahkan dalam bentuk model grafik juga jadual bagi memudahkan keputusan atau jawapan kepada kajian ini diketahui.

## **KERANGKA KONSEPTUAL**


Teori teras yang digunakan dalam kajian penyelidikan ini ialah Teori Permodenan Ekologikal (TPE). Teori ini penyelidik gunakan bagi mengkaji kesignifikanan peranan kerajaan, industri dan masyarakat setempat serta industri-industri lain dalam membentuk pembangunan ekopelancongan di Pulau Langkawi. Mengikut hasil pembacaan penyelidikan, pada akhir tahun 1980-an kebanyakkan ahli TPE menfokuskan kajian diperingkat negara dan di negara-negara Eropah barat sahaja. Hasil daripada kajian-kajian di negara-negara Eropah ini, mengakibatkan penambahbaikan pengurusan dan prestasi alam sekitar seperti dinyatakan oleh Mol, 1995, Spargaren, 1997, Mol & Sonnenfeld, 2000, Boons et.al, 2000, Buttel, 2000 (Er, 2007).

Penggunaan teori TPE di negara yang sedang membangun setakat ini dijumpai di Indonesia dan Thailand (Sonnenfeld, 2000), Vietnam (Frijus, Phung & Mol, 2000, TranThi My Dieu, 2000, Le Van Khoa, 2006), China (Zhang, 2002, Mol, 2006) dan Thailand (Chavalparit, 2006, Wattanapinyo, 2006), Taiwan (Rock, 2002, Yong, 2006), Jepun (Barett, 2005), dan Korea Selatan (Rock, 2002, Mol, 2004) sepertimana yang telah dinyatakan oleh Er, 2007.. TPE ialah merupakan aliran keperpustakaan yang telah dibangunkan dan sedang membangun sejak 20 tahun yang lepas. Antara ahli sains sosial Eropah yang menyumbang di peringkat awal pembangunan dan 'modernisasi' TPE ialah Joseph Huber, Martin Janicue, Uda Simanis, Gert Spaargarden, Martin Hajer, Arthur Mol dan Albert Weale (A. C. Er, 2009).

Menurut pembacaan penyelidikan, tradisi ahli TPE hanya memfokuskan kepada kajian kualitatif dengan tumpuan kepada sebilangan industri yang terhad ataupun hanya tertumpu pada satu sektor sahaja. Kajian sebelum ini lebih banyak memfokuskan kepada perbandingan antara negara dan bukan dalam sebuah negara. Er (2007), telah melaksanakan kajian menggunakan teori asas TPE dalam dua industri. Dalam kajian Er (2007), telah memilih dua sektor industri, yakni rantai minyak kelapa sawit serta rantai tekstil dan pakaian di Malaysia. Industri yang dipilih oleh para penyelidik terdahulu lebih kepada industri pembuatan dan pengeluaran produk yang memberi kesan kepada alam sekitar.

Justeru itu, melihat kepada kekangan dan terdapat kelompangan dalam tradisi kajian TPE, penyelidik telah memilih sektor perkhidmatan yang berkait dengan industri ekopelancongan di Pulau Langkawi untuk mengenalpasti hubungkait peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan bersama pihak industri untuk pembangunan ekopelancongan di Pulau Langkawi.

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



Pihak kerajaan melaksanakan peranan mereka dengan memberikan modal kewangan bagi tujuan pembangunan di kawasan pelancongan juga ekopelancongan di Pulau Langkawi yang semakin pesat membangun seiring dengan perancangan masa pendek dan juga panjang yang telah dirancangan. Selain daripada menyuntik modal kewangan kepada proses pembangunan ekopelancongan di Pulau Langkawi, penyediaan infrastruktur yang lebih baik juga di Pulau Langkawi juga kawasan ekopelancongan yang menjadi perhatian para pelancong. Infrastruktur yang dimaksudkan adalah termasuk infrastruktur asas juga infrastruktur pelancongan bagi memberi keselesaan kepada para pelancong seperti kemudahan air, elektrik, tandas awam, tong sampah, terminal feri, terminal bas dan teksi, jalan raya, pengangkutan awam, dan lain-lain infrastruktur yang diperlukan bagi mencapai tahap destinasi ekopelancongan terkemuka dunia. Bagi memastikan warisan alam semula jadi sentiasa dijaga dan tidak pupus juga rosak dibawa arus pembangunan yang sentiasa berlaku dari semasa ke semasa perlaksanaan Akta Kualiti Alam Sekitar oleh pihak kerajaan juga memastikan semua pihak mematuhi adalah sangat penting untuk menjamin kesinambungan warisan aset ekopelancongan terpelihara.

Peranan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan membawa kepada peranan yang dimainkan oleh pihak industri iaitu yang mana setelah pihak kerajaan memberi suntikan modal, menyediakan infrastruktur dan juga perlaksanaan Akta Kualiti Alam Sekitar berhubungkait dengan peranan pihak industri menerusi perkhidmatan makanan juga pengangkutan. Pihak industri pula menyediakan perkhidmatan makanan daripada gerai makanan sehingga kepada restoran mewah dan semua perkhidmatan pengangkutan kereta sewa, motosikal sewa, basikal sewa, teksi pelancongan, bas, feri, kapal juga kapal terbang. Hubungkait peranan antara pihak peranan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan pihak industri ialah apabila pihak kerajaan menyediakan modal untuk menyediakan infrastruktur seperti tapak gerai, bangunan untuk restoran-restoran, terminal feri yang selesa, lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa, kawasan mendapatkan kereta, motosikal, basikal dan juga van pelancongan yang senang untuk mendapatkannya menjadi tanggungjawab pihak industri untuk menyediakan perkhidmatan makanan yang bermutu dan sesuai dengan selera dan kelas yang perbagai para pelancong yang datang ke Pulau Langkawi. Operasi perkhidmatan makanan dan juga pengangkutan yang disediakan oleh pihak industri haruslah mematuhi Akta Kualiti Alam Sekitar yang dikuat kuasa oleh pihak kerajaan bagi memastikan persekitaran juga ekosistem kawasan pelancongan dan ekopelancongan khususnya terpelihara dan sentiasa dalam keadaan baik.

Hubungkait peranan yang menunjukkan saling perkaitan antara pihak kerajaan dengan pihak industri yang membawa kepada pembangunan ekopelancongan iaitu menerusi modal kewangan, infrastruktur dan perlaksanaan Akta Kualiti Alam Sekitar oleh pihak kerajaan juga peranan menerusi perkhidmatan makanan dan pengangkutan oleh pihak industri.

## **KAJIAN LEPAS**

Kajian tentang pelancongan dan ekopelancongan khususnya telah berkembang dan semakin banyak jumlahnya. Penyelidik mempunyai banyak rujukan daripada kajian-kajian, jurnal-jurnal dan juga buku-buku yang telah terdahulu ditulis. Untuk itu, di sini penyelidik akan menghuraikan antara data-data yang telah penyelidik kumpulkan melalui data sekunder hasil dari pembacaan literatur yang relevan.

Sebuah buku yang ditulis oleh Badaruddin Mohamed (2008), yang bertajuk *Pelancongan Lestari* banyak menerangkan berkaitan dengan pelancongan lestari seperti prinsip kelestarian, perkembangan pelancongan lestari di Malaysia, strategi pembangunan pelancongan Malaysia, konsep pelancongan lestari, ekopelancongan, prinsip ekopelancongan, isu-isu ekopelancongan, pelan ekopelancongan Malaysia, penglibatan penduduk tempatan dalam pembangunan pelancongan, pembangunan ekopelancongan di Taman Negara, peranan pihak kerajaan, swasta dan individu serta cabaran pelancongan lestari di Malaysia. Buku ini banyak memberi penerangan dan membuka minda penyelidik lebih memahani tentang pelancongan, pelancongan lestari dan juga ekopelancongan.

Sektor pelancongan yang semakin pesat serta mewarnai aktiviti ekonomi negara merupakan satu sektor yang meniti jambatan pembangunan dan mendaki puncak permerkasaan pada masa hadapan. Menurut Yahaya Ibrahim (2008), dalam penulisannya bertajuk *Pelancongan Malaysia: Pembangunan dan Pemerckasaan* menyatakan bahawa program pembangunan pelancongan dilihat ke arah memperkasa industri ini dengan menarik penyertaan pelbagai peringkat sama ada peringkat pemerintah, pengusaha, badan bukan kerajaan (NGO) dan juga komuniti setempat, serta ianya merupakan industri yang paling cepat berkembang dan memberikan pulangan ekonomi yang besar kepada negara, perkara ini telah menjadikannya sebagai salah satu strategi utama pembangunan.

Sepertimana yang kita sedia maklum, untuk sampai ke satu-satu destinasi pelancongan, medium pengangkutan merupakan perkara yang paling penting. Hasil penulisan Wan Rozali Hj. Wan Hussin (2008), yang bertajuk *Pelancongan dan Sistem Pengangkutan di Malaysia* menyatakan bahawa pengangkutan merupakan salah satu komponen utama dalam industri pelancongan dan tanpa pengangkutan segala aktiviti pelancongan tidak mungkin akan dapat diwujudkan. Di peringkat antarabangsa juga menyatakan hal yang sama iaitu pengangkutan merupakan salah satu faktor penentu kejayaan sesebuah negara untuk menarik pelancong dari pelbagai pelosok negara dan budaya, manakala pada peringkat nasional pula turut bersetuju bahawa pengangkutan merupakan jambatan ketersampaian pelancong dengan sesebuah destinasi. Ini dapat disimpulkan bahawa pengangkutan mempunyai hubungan yang amat penting dalam mempengaruhi kelangsungan sektor pelancongan.

Satu kajian yang dilakukan oleh Ishak Yussof, Mustaffa dan Gusni Saat (2007) yang bertajuk *Impak pembangunan Langkawi ke atas corak pekerjaan dan guna tenaga di Pulau Dayang Bunting, Langkawi*. Kajian ini menganalisis corak pekerjaan dan guna tenaga dalam kalangan penduduk di Pulau Dayang bunting, Langkawi juga melihat impak pembangunan Langkawi ke atas tahap penyertaan buruh dan masalah pengangguran, struktur guna tenaga dan jenis pekerjaan serta implikasinya ke atas tingkat pendapatan penduduk. Pelbagai kajian berkaitan dengan Langkawi dan kajian oleh Noriza Abdul Ghani, Nor Hafiza Azmi dan Dara Aisyah H.M Ali Puteh (2013) bertajuk *The impact of the tourism industry on the community's well-being on Langkawi and Redang Islands, Malaysia* berkaitan dengan kesan industri pelancongan kepada komuniti.

Kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan berkaitan dengan pelancongan merupakan garis panduan, penanda aras serta rujukan kepada penyelidik dalam memastikan kajian yang penyelidik sedang laksanakan ini mengikut jalur yang betul serta tidak lari daripada tujuan asal kajian. Hasil kajian daripada kajian yang terdahulu amat membantu penyelidik untuk

memantapkan lagi pemahaman dan pengulasan kepada hasil kajian penyelidik selepas selesai menganalisis data-data yang diperolehi.

## **ULASAN LITERATUR**

Pelbagai sektor yang wujud untuk membantu ekonomi sesebuah negara. Sektor pelancongan merupakan salah satu daripada sektor yang memberi impak besar untuk membangun dan memajukan sesebuah negara. Secara umumnya, sektor pelancongan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan sesebuah negara dan antara ianya merupakan antara sektor terbesar di dunia (Ritchie, 2003, Goeldner, 2006, Badaruddin, 2008). Oleh kerana kepentingan sektor pelancongan ini, kerajaan negara Perancis misalnya telah melaksanakan satu program pembinaan hotel secara besar-besaran demi membangunkan perusahaan pelancongan di Corsica kerana sektor pelancongan yang berjaya perlu menepati ciri-ciri asas keperluan pelanconga, terutamanya penawaran tempat tinggal dan penginapan (Inkeep, 1996). Selain daripada tempat tinggal atau penginapan bagi membangunkan sektor pelancongan, keperluan asas yang digariskan oleh Pearce (1988), yang menyatakan pelancongan meliputi beberapa kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan oleh seseorang pelancong. Bagi menjadikan sesuatu tempat pelancongan itu menarik dan dapat menarik ramai pelancong, penginapan dan kemudahan-kemudahan yang sealiran juga perkhidmatan pelengkap kepada sektor pelancongan ini perlulah juga dilengkapkan.

Malaysia juga mempunyai pelbagai kawasan atau tempat-tempat pelancongan yang menarik. Selain daripada pantai-pantai yang memutih, pulau-pulau yang indah, alam semulajadi yang menghijau dengan kehadiran flora dan fauna, air terjun yang dingin, kampung halaman yang menyeronokkan, Malaysia juga merupakan destinasi pelancongan untuk membeli-belah, sesuai untuk pelancongan pendidikan, pelancongan argo dan juga pelancongan perubatan. Di Malaysia, sektor pelancongan telah mula berkembang pada akhir tahun 1980-an dan awal 1990-an.

Malaysia merupakan sebuah negara mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan budaya serta peramah. Diliputi oleh keajaiban alam semulajadi yang sangat menakjubkan mengalu-ngalukan kunjungan para pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara. Bersempadan dengan Thailand di utara dan Singapura pula di Selatan, Malaysia juga membujur ke seberang deretan utara bahagian Borneo untuk membentuk dua buah lagi negeri iaitu Sabah dan Sarawak. Malaysia yang mempunyai 48,000 km garis pantai dengan rasa bertuahnya mempersembahkan pantai-pantai dan pulau-pulau tercantik di Asia, Selat Melaka di bahagian barat, Laut Cina Selatan di bahagian timur dan Laut Andaman di bahagian utara-barat cukup untuk menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelancongan yang sangat menarik. Terdapat banyak kekayaan semulajadi yang masih bersarang diresort-resort yang berhampiran dengan kawasan-kawasan laut dan teluk-teluk kecil. Di bawah perairan akuamarin, terdapat batu-batu karang dan hidupan-hidupan laut yang menawan menanti untuk diterokai dan pastinya setiap pelancong akan terpujau oleh kehebatan percutian yang menakjubkan di sini.

Langkawi yang sememangnya mempunyai pelbagai keindahan yang dapat menggamit para pelancong dari seluruh pelusuk dunia. Ini dapat dilihat menerusi bilangan pelancong yang datang ke Langkawi saban tahun. Mengikut data yang diperolehi dari Pejabat Daerah Langkawi dalam jadual di bawah, dalam jangka masa sepuluh tahun seramai 24.2 juta pelancong yang melancong di Langkawi. Pada tahun 2003 seramai 2.5 juta orang pelancong telah membanjiri Langkawi dan jumlah ketibaan pelancong di Langkawi meningkat kepada 2.9 juta orang pada tahun 2004. Berlaku sedikit penurunan pada tahun 2005 iaitu 2.8 juta orang berbanding dengan jumlah pada tahun sebelumnya. Tahun 2006 telah menunjukkan peningkatan semula kepada 3.0 juta pelancong dan menurun semula dalam tempoh empat



tahun seterusnya iaitu seramai 2.3 juta pelancong pada tahun 2007 kemudian turun kepada 2.1 juta orang pelancong pada tahun 2008 dan menurun lagi pada tahun 2009 menjadi 1.7 juta orang pelancong serta terus menurun kepada 1.1 juta orang pelancong pada tahun 2010. Tahun 2011 pula mencatatkan peningkatan kepada 2.8 juta orang pelancong dan terus meningkat pada tahun 2012 menjadikan jumlah pelancong 3.0 juta orang melancong di Langkawi pada tahun tersebut.

Sektor pelancongan menyumbang kepada 10% daripada jumlah pekerjaan dunia dan 11% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia. Hasil pengeluaran yang diperoleh sektor pelancongan dijangka meningkat kepada 1.8 bilion menjelang tahun 2020. Sektor pelancongan telah menunjukkan potensi yang telah menyebabkan pembangunan infrastruktur begitu pesat membangun selain daripada memperkenalkan produk-produk pelancongan baru bagi menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara. Produk pelancongan yang ditawarkan tidak hanya perlu memikirkan kepuasan hati pelancong dan keuntungan sahaja, kawasan pelancongan itu juga perlu diberi perhatian supaya ianya terus dapat menarik perhatian para pelancong. Menurut Denman (2001), pembangunan dan pengurusan pelancongan yang kurang sesuai atau tidak mengikut lunas-lunas dan undang-undang yang betul boleh menyebabkan kemusnahan habitat dan lanskap, menghapuskan sumber-sumber semulajadi dan akhirnya pencemaran alam semulajadi semakin serius, terutamanya pembuangan sampah-sarap yang tidak terurus.

Pelancong yang memelihara alam sekitar adalah sangat sesuai untuk disebut sebagai pelancongan lestari dan ianya sangat sinonim dengan sub sektor pelancongan ekopelancongan yang berlandaskan alam sekitar. Pembangunan pelancongan lestari yang sangat serasi dengan ekopelancongan merupakan sebahagian daripada strategi yang bermatlamat untuk memenuhi keperluan generasi masa kini tanpa menidakkan keupayaan generasi masa hadapan untuk memenuhi keperluan-keperluan mereka (World Commission on Environment and Development, 1987). Pelancongan lestari ini dilihat dari pelbagai sudut, sama ada dari perspektif alam sekitar, sosial dan juga ekonomi. Mengikut Wild (1994), telah mendefinisikan pelancongan lestari sebagai pelancongan yang menyediakan peluang-peluang ekonomi dan juga mengekalkan kualiti alam sekitar supaya tidak tercemar.

Sektor pelancongan di Malaysia merupakan sektor penting bagi membangunkan ekonomi negara dari semasa ke semasa dalam lapangannya yang tersendiri. Pulau Langkawi merupakan sebuah pulau yang sangat berpotensi untuk terus dibangunkan dengan aset-aset warisan alam semulajadi yang masih terpelihara sebagai tarikan pelancongan ekopelancongan. Pulau Langkawi adalah destinasi ekopelancongan negara yang menjapat perhatian daripada para pelancong dunia dan berkembang dari semasa ke semasa.

## **DAPATAN KAJIAN**

Responden atau juga merupakan unit analisis kajian ini merupakan penduduk setempat yang bekerja di sekitar Pekan Kuah dan juga Pantai Cenang kerana mereka sangat dekat dengan proses pembangunan ekopelancongan dari semasa ke semasa pada setiap hari. Berikut ialah maklumat peribadi para responden yang bekerjasama dalam kajian ini.

Jadual 1: Maklumat Peribadi Responden

<b>Maklumat</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	219	55
Perempuan	181	45
<b>Umur</b>		

20-29	165	41
30-39	181	45
40-49	42	11
50-59	11	2
60-69	1	1
<b>Status</b>		
Bujang	190	48
Berkawen	186	47
Janda	14	3
Duda	10	2
<b>Taraf Pendidikan</b>		
Sekolah	99	25
Sijil	151	38
Diploma	124	31
Ijazah/Sarjana/Phd	26	6
<b>Jumlah Pendapatan</b>		
RM1000-RM1999	157	39
RM2000-RM2999	183	46
RM3000-RM3999	40	10
RM4000 dan ke atas	20	5
<b>Jenis Pekerjaan</b>		
Pemandu Pelancong	75	19
Perkhidmatan Makanan	65	16
Perkhidmatan Pengangkutan	85	21
Perhotelan dan Pelancongan	120	30
Penjualan	55	14

Sumber: Hasil Kajian 2015

Terdapat seramai 219 orang responden lelaki manakala 181 perempuan dan masing-masing 55 dan 45 peratus daripada 400 orang responden yang terlibat. Peringkat umur responden yang terlibat ialah seramai 165 orang juga bersamaan 41 peratus bagi mereka yang berumur antara 20-29 tahun, 181 orang responden berumur antara 30-39 tahun iaitu 45 peratus, 11 peratus juga seramai 42 orang responden yang berumur antara 40-49 tahun, responden berumur antara 50-59 seramai 11 orang juga 2 peratus dan sebanyak 1 peratus iaitu seorang responden yang berumur antara 60-69 tahun. Selain daripada umur dan jantina, status dan juga taraf pendidikan juga merupakan maklumat peribadi responden juga dimuatkan dalam set soalan kaji selidik yang perlu dijawab oleh responden.

Status responden masih bujang ialah seramai 190 orang iaitu 48 peratus, yang sudah berkawen sebanyak 47 peratus bersamaan seramai 186 orang, yang berstatus janda seramai 14 orang atau 3 peratus serta responden yang berstatus duda seramai 10 orang juga mencatatkan jumlah peratusan sebanyak 2 peratus. Taraf pendidikan responden juga diambil kira dengan jumlah responden yang berpendidikan tahap sekolah seramai 99 orang iaitu 25 peratus, tahap sijil sebanyak 38 peratus iaitu seramai 151 orang, 31 peratus dan 124 orang bagi responden yang memiliki diploma dan bagi yang mempunyai tahap pendidikan tinggi iaitu ijazah, sarjana serta Phd seramai 26 orang iaitu 6 peratus.

Jumlah pendapatan para responden adalah pada kadar antara RM1000-RM1999 seramai 157 orang iaitu sebanyak 39 peratus, pendapatan antara RM2000-RM2999 sebanyak 46 peratus dengan jumlah responden seramai 183 orang, bagi pendapatan antara RM3000-RM3999 pula seramai 40 orang dengan nilai 10 peratus serta responden yang berpendapatan RM4000 dan ke atas seramai 20 orang dengan nilai peratusan sebanyak 5 peratus. Jenis


kenderaan digunakan oleh para responden ialah yang menggunakan kereta seramai 312 orang iaitu 78 peratus, yang menggunakan motosikal sebanyak 17 peratus iaitu seramai 68 orang dan yang menggunakan van seramai 20 orang dengan nilai peratusan sebanyak 5 peratus.

Responden terdiri daripada pelbagai latar belakang jenis pekerjaan yang mana mereka berhubungan dengan aktiviti perlancongan di Pulau Langkawi. Pemandu pelancong atau juga penjual pakej perlancongan antara mereka yang menjadi responden dalam kajian ini dan diwakili oleh seramai 75 orang dengan jumlah 19 peratus. Responden yang bekerja dalam bidang perkhidmatan makanan ialah seramai 65 orang dengan jumlah peratusan sebanyak 16 peratus. Perkhidmatan pengangkutan pula seramai 85 orang dengan peratusan sebanyak 21 peratus dan diikuti oleh perhotelan dan pelancongan seramai 120 orang dengan jumlah peratusan sebanyak 30 peratus kemudian responden yang terlibat dengan aktiviti penjualan adalah seramai 55 orang bersamaan 14 peratus.

Apa yang dapat disimpulkan di sini, ciri-ciri responden ialah lebih ramai responden lelaki yang berumur antara 30-39 tahun juga yang masih bujang serta berpendidikan pada peringkat sijil. Jumlah pendapatan responden antara RM2000-RM2999 juga jenis kenderaan kereta adalah paling ramai jumlahnya juga paling tinggi peratusannya juga para responden bekerja dalam bidang perhotelan dan pelancongan. Ciri-ciri responden ini membantu penyelidikan untuk mendapat hasil kajian yang lebih jelas dan tepat.

## HUBUNGKAIT PERANAN ANTARA PIHAK KERAJAAN DENGAN PIHAK INDUSTRI

Model 1: Hubungkait Peranan Antara Pihak Kerajaan dengan Pihak Industri



Jadual 1: Hubungkait Peranan Antara Pihak Kerajaan dengan Pihak Industri

K ↔ I		S.E. 0.108	C.R. 11.806			P ***	
INDEKS NILAI	CHISQ/DF	RMSEA	GFI	AGFI	CFI	TLI	NFI
NILAI	2.209	0.055	0.991	0.967	0.997	0.994	0.995

Sumber : Analisis Data Kajian 2015

Model dan juga jadual di atas ini menunjukkan peranan dan juga hasil kajian berkaitan dengan hubungan juga hubungkait peranan antara pihak kerajaan dengan pihak industri, jelas menunjukkan bahawa peranan yang mereka laksanakan mempunyai hubungan serta data dan model adalah sepadan dengan nilai Critical Ratio (CR) yang lebih besar daripada  $\pm 1.96$  iaitu pada nilai 11.806 hasil kajian ini menjadi lebih kukuh berdasarkan nilai-nilai penting yang telah penyelidik nyatakan sebelum ini serta nilai  $p^{***}$  yang mana lebih kecil dari nilai 0.05 atau infiniti juga nilai kekuatan hasil kajian ini bagi menyokong dan membuktikan bahawa wujud hubungan peranan antara pihak kerajaan dengan pihak industri. Nilai Chisq/df bernilai 2.209, nilai RMSEA pada nilai 0.055, Nilai GFI pada nilai 0.991, nilai AGFI bernilai 0.967, nilai CFI bernilai 0.997, TLI pada nilai 0.994 dan NFI pada nilai 0.995. Melihat kepada angka-angka hasil analisis ini menunjukkan bahawa kesemua hasil kajian dapat membuktikan bahawa terdapat hubungan antara peranan pihak kerajaan dengan pihak masyarakat dalam pembangunan ekopelancongan di Langkawi juga hipotesis berkaitan wujud hubungkait dalam peranan pihak kerajaan dan industri adalah diterima.

Hubungan yang dinyatakan ialah hubungan peranan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan iaitu promosi, infrastruktur dan juga Akta Kualiti Alam Sekitar mempunyai hubungkait dengan peranan pihak industri dalam penyediaan perkhidmatan makanan juga penginapan kepada para pelancong. Peranan pihak kerajaan yang menjalankan aktiviti mempromosikan destinasi ekopelancongan agar dikenali seluruh dunia serta menarik kedatangan lebih ramai pelancong pada masa akan datang, menyempurnakan infrastruktur bagi kegunaan penduduk setempat juga para pelancong yang datang ke Pulau Langkawi juga destinasi ekopelancongan khususnya serta penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekitar secara menyeluruh juga permantauan yang berterusan akan memastikan kawasan ekopelancongan sentiasa di paras yang baik dari pencemaran juga kepupusan. Promosi yang hebat dan berterusan dan infrastruktur yang sentiasa di selenggara juga di lakukan penambahbaikan mengikut keperluan juga permantauan dan pelaksanaan Akta Kualiti Alam Sekitar yang menyeluruh membawa kepada pembangunan perkhidmatan makanan juga perkhidmatan pengangkutan yang menjadi peranan pihak industri untuk menyediakannya untuk kegunaan penduduk setempat juga para pelancong. Perkhidmatan makananan seperti gerai-gerai, restoran-restoran, restoran makanan segera juga restoran mewah yang tersedia merupakan peranan yang dilaksanakan oleh pihak industri juga perkhidmatan pengangkutan darat, laut juga udara. Pihak industri juga berperanan menjaga infrastruktur yang disediakan oleh pihak kerajaan, mematuhi Akta Kualiti Alam Sekitar seperti yang telah digariskan oleh pihak kerajaan juga memberi gambaran dan pengalaman yang sama serta menarik dengan promosi yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Peranan ini dapat dilihat mempunyai hubungkait yang berkaitan

## **KESIMPULAN**

Kajian penyelidik ini menganalisis hubungkait peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dan juga pihak industri. Menerusi analisis yang telah dilakukan menggunakan analisis SEM Amos yang mana nilai yang dinyatakan menerangkan dengan jelas bahawa wujud hubungkait peranan yang dilaksanakan oleh kedua-dua pihak bagi memastikan pembangunan ekopelancongan di Pulau Langkawi. Pembangunan ekopelancongan dapat dilaksanakan dengan lebih mantap dan cepat dengan adanya kerjasama peranan penting yang dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak iaitu pihak kerajaan dan juga pihak industri.

Setelah melihat hasil kajian dan pelbagai maklumat tentang ekopelancongan di Pulau Langkawi, terdapat cadangan untuk membangunkan ekopelancongan boleh dilaksanakan. Bagi memastikan destinasi ekopelancongan di Pulau Langkawi mendapat perhatian daripada serata dunia adalah penting untuk terlibat dengan promosi oleh semua pihak dengan

pelbagai cara. Selain daripada promosi, infrastruktur juga merupakan satu elemen yang sangat penting untuk sentiasa ditambah juga dilakukan penambahbaikan supaya mencapai tahap destinasi ekopelancongan bertaraf dunia. Dua elemen penting ini perlu diberi perhatian ialah dari segi promosi dan juga pembangunan dan penjagaan serta penyelenggaraan infrastruktur yang telah disediakan.

## **RUJUKAN**

- Asan Ali GH, Abu Sufian AB & Tuan Marina TI. (2009). *Kajian Impak Pernilaian Sosio – Ekonomi Ke atas Pembangunan Pekan Pelancongan Wang Kelian, Perlis*. Prosiding PERKEM IV, Jilid 1. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Burns, V., & Sancho, M. M. (2003). *Local perceptions of tourism planning: The case of Cuellar, Spain*. Dlm. *Tourism Management*, 24, 331-339.
- Chew SS, Nor Asikin S & Lim LS. (2009). *Mengenalpasti Punca – Punca Kedatangan Pelancong Yang Bermusim Dalam Pelancongan di Gunung Ledang, Johor*. Universiti Tekonologi MARA Kampus Alor Gajah, Melaka.
- Fallon, L. D., & Kwiwoken, L. K. (2003). *Community involvement in tourism infrastructure – the case of the Strahan Visitor Centre, Tasmania*. Dlm. *Tourism Management*, 24, 289-308. 2003.
- Fatimah H, Zuraini Z, Norsuhana AH, Main R, Fatan HY. (2013). *Peningkatan daya saing Lembah Lenggong berasaskan pelancongan sumber setempat*. GeoGrafia Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Anuar MA. (2009). *Faktor Tarikan Pelancong Pantai di Port Dickson*. Prosiding PERKEM IV. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nadiah AH, Er AC, Jumaat HA, Mohd Afiq AJ, Siti Norhafizah AT. (2012). *Potensi Pelancongan di Matu- Daro, Sarawak : Persepsi Komuniti Lokal*. GeoGrafia Universiti Kebangsaan Malaysia.
- New GL, Jabil MJ. (2012). *Faktor Yang Mempengaruhi Kunjungan Ulangan Pelancong Antarabangsa : Suatu Ulasan*. GeoGrafia Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosniza Aznie CR, Usman Y, Suriati G, Abdul Rahim MN, Rosmiza MZ, Novel L, Mohd Fuad MZ. (2012). *Pantai Peranginan Besut, Terengganu sebagai destinasi pilihan pelancong*. GeoGrafia Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosniza Aznie CR, Mohd Azlan Abdullah, Rozalini R, Rosmiza MZ, Abdul Rahim MN, Mohd Fuad MJ, Novel L. (2012). *Potensi tarikan ekopelancongan rekreasi di Taman Rekreasi Air Panas (TRAP) Sungai Klah, Perak*. GeoGrafia Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **NUR IDIENTEE BINTI ABD HALIM**

Universiti Kebangsaan Malaysia  
[la\\_mujer24@yahoo.com](mailto:la_mujer24@yahoo.com)

### **ER AH CHOY**

Universiti Kebangsaan Malaysia  
[eveer@ukm.edu.my](mailto:eveer@ukm.edu.my)